

Kepercayaan: *Tanasukh Al-Arwah* dalam Islam dan *Reinkarnasi* dalam Hindu

Muhammad Adduat, Indriaty Ismail, Mutiaah

Jabatan Usuluddin Falsafah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan Malaysia
E-mail : duad1989@gmail.com; indriaty@ukm.edu.my; mutiaahsahrehamli@gmail.com

Abstrak – Setiap agama menganjurkan kepada penganutnya untuk sentiasa melakukan kebaikan dan menghindari kejahatan, supaya mendapat kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Di samping mencari keindahan dunia, manusia sering kali diingatkan agar tidak leka, kerana setiap perbuatan manusia kelak akan dipertanggungjawabkan. Setiap agama menjelaskan bagaimana seseorang itu mendapat balasan sama ada baik atau buruk. Terdapat fahaman dalam Islam yang dikenali dengan istilah *tanasukh al-arwah* iaitu perpindahan roh yang menyerupai konsep kepercayaan agama Hindu *reinkarnasi*. *Reinkarnasi* bermaksud perpindahan roh kepada jasad atau benda tertentu. Dalam artikel ini, penulis cuba meneliti secara perbandingan konsep perpindahan roh di antara *tanasukh al-arwah* dalam agama Islam dan *reinkarnasi* dalam agama Hindu. Penulisan ini berasaskan kajian kepustakaan atau penyelidikan dokumentari yang dipersembahkan secara kritis. Hasil daripada kajian ini, penulis mendapati bahawa kepercayaan *al-tanasukh* ini jelas menyimpang dari aqidah Islam sebenar. Begitu juga terdapat kesamaan di antara fahaman *tanasukh al-arwah* dan konsep *reinkarnasi*, walaupun pada hakikatnya kewujudan konsep *reinkarnasi* agama Hindu adalah demi kebaikan agama dan umatnya.

Kata kunci : *tanasukh al-arwah*, konsep *reinkarnasi*, kebangkitan kembali.

I. Pendahuluan

Manusia tercipta daripada dua jenis unsur utama iaitu jasad (tubuh) dan roh yang bersifat halus atau tidak dapat dilihat oleh mata kasar dan juga tidak dapat disentuh. Manusia tidak dapat bergerak dan merasakan sesuatu hanya dengan pancainderanya, melainkan mempunyai hubungan di antara roh dan pancaindera. Dari roh tersebut manusia dapat memahami, berfikir, melihat, merasai, gembira, sedih, benci dan sebagainya (Jaddari 1999). Di dalam Islam, Allah hanya memberikan pengetahuan yang sedikit berkaitan roh dan memberi peringatan kepada manusia bahawa hal roh itu termasuk dalam perkara dan urusan Allah. Sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Isra' ayat 85 yang bermaksud “*dan mereka bertanya kepada mu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja"*”.

Dari kedua unsur penting penciptaan manusia tadi, maka manusia hidup dan bebas melakukan apa sahaja di dunia. Agar tidak leka dengan keindahan dunia, manusia dibekalkan oleh Allah Al-Kitab iaitu Al-Quran dan Al-Hikmah kitab petunjuk hidup perjalanan Rasulullah iaitu As-Sunah sebagai panduan (Ibnu Qayyim 2005). Di dalam kitab-kitab tersebut termuat pelbagai nasihat, amalan yang wajib atau perlu diikuti dan tingkah laku yang perlu dicontohi sebagai panduan kehidupan manusia dalam mengharungi liku-liku perjalanan di dunia sebelum mendapat pembalasan di akhirat kelak. Semua agama di dunia mengajarkan tentang kehidupan di dunia dan pembalasan di akhirat, kerana kebebasan hidup di dunia memberi peluang kepada manusia untuk memilih antara kebaikan atau keburukan.

Sebagai contoh kepercayaan dalam agama Hindu, mempercayai adanya konsep pembalasan dan kebangkitan kembali di dunia atau dalam istilah lain dikenali dengan *reinkarnasi*. *Reinkarnasi* juga mempunyai beberapa istilah lain seperti *punarbhava* dan *samsara*. Menurut Agus Hakim (1973), tujuan terakhir dari pelajaran hidup menurut agama Hindu ialah menuju *Nirwana*, iaitu nyawa kembali kepada *Brahma* kepada kebahagiaan abadi. Jika jasmani tidak lagi

memerlukan hal-hal duniawi dan jiwa telah mencapai makna sebenar kehidupan, maka perasaan duka pada diri manusia hilang dan jiwa akan terlepas dari kebangkitan kembali atau *reinkarnasi*.

Ada sesetengah agama yang mempercayai kewujudan alam lain selain alam dunia. Namun mereka tidak mempercayai adanya hari pembalasan. Contohnya agama Hindu, Buddha dan Sikh. Bagi mereka, pembalasan berlaku di dunia iaitu melalui hukum *Karma Samsara*. Menurut hukum itu, semua manusia akan dilahirkan semula mengikut amal perbuatan mereka pada masa lalu. Agama Kristian pula mempercayai sekiranya seseorang itu beriman kepada Isa dan mempercayai Isa diutus ke dunia sebagai penyelamat dan mempercayai beliau adalah anak tunggal Tuhan, orang itu akan dapat tinggal bersama-sama dengan Isa di dalam syurga pada hari akhirat. Sekiranya sebaliknya, orang itu akan dicampakkan ke dalam neraka (Rosmizi 2005).

Di dalam Islam terdapat juga kepercayaan seperti agama-agama yang tidak mengakui adanya hari kebangkitan di akhirat, tetapi mempercayai terjadinya hukum pembalasan di dunia. Dalam artikel ini, penulis membuat tinjauan literatur dengan menggunakan buku, artikel dan jurnal berkaitan kajian yang dilakukan di Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepercayaan seperti ini di dalam Islam dikenali dengan istilah *Tanasukh Al-Arwah*, dalam agama Hindu dan Buddha dikenali dengan istilah *reinkarnasi*. Dari tinjauan yang dibuat, jelas terdapat kesamaan kepercayaan di antara *Tanasukh Al-Arwah* dalam Islam dan *Reinkarnasi* dalam Hindu, justeru fahaman *Tanasukh Al-Arwah* jelas menyalahi dan menyimpang jauh dari akidah Islam sebenar.

II. *Tanasukh Al-Arwah*

Merujuk buku bertajuk *Roh Menurut Perbahasan Ulama Kalam dan Ahli Falsafah* menjelaskan pengertian *Tanasukh*. *Tanasukh* itu ialah berulangnya ulangan dan pusingan sehingga tiada penyudah. Pada setiap kali pusingan terjadilah apa yang terjadi pada pusingan awal. Ganjaran pahala dan seksa berlaku di dunia ini dan bukannya di dunia lain yang tidak ada amalan padanya. Perbuatan yang sedang dilakukan sekarang adalah pembalasan terhadap perbuatan dahulu yang pernah dilakukan. Apa yang dimaksudkan dengan putaran dan pusingan ialah, kehidupan ini menjadi baharu pada setiap waktu tertentu yang mereka anggarkan selama 36,425 tahun, pada waktu ini terdapat semua makhluk berpasang-pasangan. Apabila selesai pusingan ini, terputuslah keturunan dan kelahiran dan bermulalah pusingan baharu bagi manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Begitulah selama-lamanya, tidak ada kebangkitan, hari kiamat dan negeri melainkan negeri dunia ini sahaja (Ramzi, 2003).

Idea-idea ini telah mempengaruhi pemikiran masyarakat Islam. Oleh sebab itu, di kalangan Syiah Hasyimiah ada yang berpendapat roh-roh saling berpindah dari satu tubuh ke tubuh yang lain sama ada tubuh manusia atau binatang. Mereka mengatakan roh Allah juga bertanasukh sehingga sampai kepada imam mereka dan bertempat dalam tubuhnya. Pendapat ini dipegangi oleh Ahmad bin Khabit, Ahmad bin Nanus dan Abu Muslim al-Khurasani. Muhammad bin Zakaria al-Razi (seorang tabib) yang mengatakan: “Andaikan jika tidak ada cara lain untuk melepaskan roh dari jasad yang berupa binatang kepada jasad yang berupa manusia melainkan dengan cara pembunuhan dan penyembelihan, nescaya tidak harus sama sekali disembelih binatang-binatang” (Ramzi, 2003).

Fahaman *Al-Tanasukh* bermaksud tidak ada kiamat dan akhirat, apa yang berlaku adalah roh manusia akan berpindah dari seorang kepada seorang yang lain, kalau sekiranya dia seorang yang baik rohnya akan berpindah kepada orang baik dan begitulah sebaliknya kalau seseorang itu jahat, rohnya akan berpindah kepada orang jahat. Pemikiran ini jelas menolak kepercayaan terhadap akhirat dan apa yang akan berlaku selepasnya. Usaha-usaha seperti ini merupakan pemikiran dan Aqidah paling bahaya untuk meruntuhkan Aqidah Islam (Johari Mat 2015). Merujuk Johari Mat, akidah dan pemikiran golongan ini (Ghuluw) adalah mempercayai akan Hulul iaitu beriktikad bahawa zat Allah (s.w.t) atau roh-Nya berada di dalam diri hamba-Nya atau makhluk-Nya. Dalam hubungan ini apabila disebut Hulul maka ia membawa maksud: roh Allah telah berpindah kepada makhluk-Nya. Konsep ini dikenal sebagai *Manusia Tuhan* iaitu setelah dikatakan dan dipercayai Tuhan berada di dalam diri manusia. Untuk mempertahankan fahaman tersebut, mereka membawa ayat-ayat al-Qur'an sebagai dalil dan bukti. Antaranya seperti firman Allah dalam surah Shaad ayat 76. Berdasarkan ayat tersebut golongan Ghuluw percaya bahawa roh Allah (s.w.t) berada di dalam setiap diri para rasul dan nabi dan roh tersebut akan berpindah pula kepada rasul dan Nabi-nabi berikutnya.

Menurut Muhammad 'Uthman (2011), golongan melampau ini berselindung dengan zahir Islam dan memperdaya Muslimin secara halus. Mereka ialah golongan Syiah ghulat rafidah al-Sababiah, al-Bayaniah, al-Muqanna'iyah, al-Mansuriah, al-Janahiah, al-Khattabiyah dan lainnya yang berpegang kepada mazhab Hulul dan batiniah. Mereka juga berpegang kepada fahaman *tanasukh al-arwah* iaitu perpindahan roh masuk ke dalam badan manusia. Mereka ini terdiri daripada para pengikut ibn Abil-Auja' juga mereka yang mengikut ajaran Ahmad bin Ha'it dari golongan Mu'tazilah. Pandangan terhadap golongan ini diakui oleh Fauzi Hamat & Sobri Elias (2011), Syiah al-Ghaliyah merupakan golongan Syiah yang melampau dalam membesarkan Sayyidina Ali. Selain mengangkat darjat Sayyidina Ali melebihi darjat kenabian, mereka turut berpegang dengan iktikad al-Hulul dan *tanasukh al-arwah* dengan mendakwa bahawa Allah menyerap masuk ke dalam jasad Nabi Muhammad, Ali, al-Hasan, al-Husain dan Fatimah.

Dalam kertas kerja *Asas Rujukan Dalam Bidang Akidah Islam* oleh JAKIM (2010) memberi penjelasan berkaitan fahaman *tanasukh al-arwah*, iaitu persalinan roh atau perpindahan roh seorang yang telah mati kepada orang lain. Fahaman seperti ini terdapat pada sebahagian dari fahaman penganut agama Hindu, sebahagian penganut ajaran Syiah dan di kalangan pengamal perbomohan juga ada yang mempercayai mengenai perpindahan roh seseorang kepada orang

lain. Begitu juga menurut Muksin Ruslan (2012) mengatakan bahawa kepercayaan seperti ini terdapat dalam agama Hindu-Buddha. Kedua agama ini mengajarkan kepada penganutnya bahawa seseorang itu terpaksa menerima balasan perbuatan baik atau buruk, selama masih hidup atau sesudah mati akan melalui proses pengulangan kembali (*reinkarnasi*) atau istilah dalam bahasa Arab disebut *tanasukh al-arwah*. Dengan doktrin ini kepercayaan asli diberi nafas baru kepada orang yang mati lalu mempercayai akan menjelma kembali dalam jasad orang yang masih hidup.

III. Menolak Fahaman *Tanasukh Al-Arwah*

Bagi menolak pandangan sesat *tanasukh al-arwah*, penulis mengemukakan hujah-hujah dari para ulama, pemikir dan pengkaji akidah Islam. Menurut Said Ramadhan al-Buti, hujah penolakan terhadap faham ini dapat dilihat dalam perkhabaran mutawatir daripada al-Quran dan as-Sunah. Ketika mana soalan dua malaikat di dalam kubur juga azab atau nikmat di dalam kubur. Jika seseorang telah beriman dan meyakini hakikat ketuhanan Allah s.w.t. dan hakikat kenabian Muhammad s.a.w. maka manusia tidak akan dapat lari daripada mengimani dan meyakini kandungan perkhabaran yang mutawatir tersebut.

Begitu juga sudah sedia maklum bahawa soalan dan azab kubur berlaku ke atas roh si mati, kerana tanpa pengertian ini maka tiada maknanya soalan azab atau nikmat di alam kubur. Roh itu kepunyaan jasadnya, hanya terisi dengan jasadnya, terikat dan terkurung dalam jasadnya, seperti yang difirmankan oleh Allah s.w.t. di dalam surah Ath-Thuur ayat 21 bermaksud: “*dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikit pun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya*”. Maka tidak mungkin sama sekali roh itu berpindah daripada jasadnya untuk memasuki jasad yang lain bagi menghadapi perlakuan dan kewujudan lain yang baru.

Tidak mungkin sama sekali bagi orang yang berakal waras dan siuman dapat menggabungkan kedua-dua kepercayaan dalam fikirannya iaitu kepercayaan *tanasukh al-arwah* dan kepercayaan adanya soalan kubur dan azabnya. Kedua-dua kepercayaan tersebut merupakan dua perkara yang kontradiksi atau percanggahan yang amat jelas. Mempercayai yang satu memastikan penafian kepada yang lain.

Merujuk buku *Penyelewengan Ajaran Qadiani*, Farahwahida dan Ramlah (2008) menyatakan bahawa *tanasukh al-arwah* adalah termasuk dalam kepercayaan dan amalan ajaran sesat Qadiani. Teori ini bertentangan dengan konsep pembalasan dalam ajaran Islam yang lebih adil dan saksama. Dalam Islam, setiap manusia akan mendapat pembalasan yang setimpal atas perbuatannya sendiri, sama ada baik atau buruk dan tidak ditanggung oleh orang lain. Firman Allah di dalam surah Yunus ayat 61 yang bermaksud:

وَمَا تَكُونُ فِي شَأْنٍ وَمَا تَتْلُوا مِنْهُ مِنْ قُرْآنٍ وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا
إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ وَمَا يَعْزُبُ عَنْ رَبِّكَ مِنْ مِثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَلَا
أَصْغَرَ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرَ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٦١﴾

“Dan tidaklah engkau (wahai Muhammad) dalam menjalankan sesuatu urusan, dan tidaklah engkau dalam membaca sesuatu surah atau sesuatu ayat dari Al-Quran dan tidaklah kamu (wahai umat manusia) dalam mengerjakan sesuatu amal usaha, melainkan adalah Kami menjadi saksi terhadap kamu, ketika kamu mengerjakannya. dan tidak akan hilang lenyap dari pengetahuan Tuhan mu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-ringan Yang ada di bumi atau di langit, dan tidak ada yang lebih kecil dari itu dan tidak ada yang lebih besar, melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang terang nyata”.

Konsep *tanasukh al-arwah* inilah yang telah meresap masuk dalam ajaran Qadiani. Ini dapat dilihat daripada dakwaan-dakwaan Mirza melalui penulisannya tentang perpindahan roh Nabi-nabi. Dakwaan-dakwaan ini membuktikan bahawa Mirza turut terpengaruh dengan aliran pemikiran agama Hindu yang batil. Menurut pengkaji buku tersebut, melihat bahawa penerimaan Mirza terhadap konsep tersebut bertujuan untuk menghubungkaitkan kedudukannya sebagai seorang Nabi yang mempunyai hubungan dengan Nabi-nabi yang terdahulu. Begitu juga menurut Ibnu Qayyim (2005), beliau membantah pendapat golongan yang memusuhi para rasul dari kalangan Atheis dan semacam nya. Mereka adalah orang-orang yang tidak mempercayai adanya hari kebangkitan. Hadis mutawatir secara tegas membantah pendapat golongan tersebut. Hadis mutawatir menerangkan bahawa azab itu akan dikenakan kepada roh dan tubuh, sama ada secara bersamaan atau secara perseorangan.

Pendapat dari Izzudin (2003) yang menyatakan bahawa roh tidak mungkin dapat dipanggil (*tahdir arwah*) setelah terpisah dari badan. Kesemua tulisan-tulisan tentang memanggil roh yang dihasilkan di dalam pelbagai bahasa sama ada bahasa Arab atau bukan Arab itu akhirnya membuat kesimpulan bahawa memanggil roh merupakan satu pendustaan dan akan membawa kepada kekufuran seta kesesatan. Tidak ada seorang pun yang berupaya memanggil roh

yang telah terpisah daripada badan kerana selepas keluar daripada badan, roh itu akan menuju ke alam barzakh. Di alam barzakh roh itu akan diazab atau mendapat nikmat mengikut amalan tuannya ketika hidup dahulu. Ini juga menjadi bukti kebatilan terhadap konsep *tanasukh al-arwah*.

Dalam agama Hindu terdapat kepercayaan kebangkitan kembali di dunia setelah matinya seseorang, dengan alasan agar penganutnya mendapat balasan sesuai perbuatan yang dilakukan di dunia. Roh manusia yang mati akan berpindah kepada jasad manusia, haiwan, tumbuhan, malah roh itu juga boleh berpindah pada sesuatu benda seperti batu. Kesamaan yang begitu jelas dapat dilihat apabila penulis cuba membuat perbandingan antara *tanasukh al-arwah* dalam Islam dan *reinkarnasi* dalam Hindu. Agar lebih jelas, pada perbincangan berikutnya akan dibincangkan mengenai kepercayaan *reinkarnasi* atau perpindahan roh dalam agama Hindu.

IV. Reinkarnasi (Reincarnation)

Reinkarnasi adalah proses kelahiran kembali atau putaran kematian manusia. Kata "*reinkarnasi*" berasal dari kata *re+in+carnis*. Kata Latin *carnis* bermaksud daging. *Incarnis* bermaksud bentuk manusia. Jadi *reinkarnasi* adalah masuknya jiwa ke dalam tubuh yang baru. Jiwa yang sudah ada kemudian masuk kepada jasad baru. Istilah ini juga disebut dengan perpindahan jiwa, iaitu jasad lama ditinggalkan dan pada waktu tertentu jiwa tersebut masuk ke dalam jasad yang baru. Dalam bahasa Inggeris *reinkarnasi* disebut sebagai *reborn* (Al Fakir 2014). Menurut oleh Abu Akhmadi (1974) merujuk di dalam bukunya *Perbandingan Agama*, istilah lain *reinkarnasi* adalah *Samsara*. Wujud yang baru itu mungkin seketul batu, tumbuh-tumbuhan, haiwan atau manusia, mungkin juga dewa. Kebangkitan kembali (*reinkarnasi*) ini berlaku terus menerus mengikut konsep hukum karma. Putaran kehidupan kembali itu dinamakan *Samsara* (sengsara), dan dianggap sebagai malapetaka atau penderitaan. Manusia kemudian mencari jalan bagaimana cara untuk melepaskan diri dari hukum karma dan *reinkarnasi*.

Merujuk buku *Gerakan Keagamaan Dan Pemikiran*, maksud *reinkarnasi* adalah apabila seseorang telah mati, maka jasadnya fana, sedangkan rohnya terkeluar dan terpisah, kemudian menempati jasad yang lain sesuai dengan amal perbuatannya semasa kehidupan di dunia. Lalu roh tersebut memulakan peranan baru dalam jasad yang baru (Anon 2006). Huston Smith (2004) mengatakan bahawa, roh atau jiwa manusia sedang melalui proses *inkarnasi* di bumi yang lebih rendah, beliau juga mengatakan bahawa bumi di atas dilingkari oleh bumi-bumi suci lain "masing-masing bumi tersebut dilingkari oleh sejumlah bumi yang lebih suci yang berada di sebelah atas, dan bumi yang lebih rendah terletak di sebelah bawah, tempat roh memperbaiki di antara tahap-tahap *inkarnasi*, sesuai dengan perbuatan yang layak diterima mereka". Merujuk kepada buku susunan Meade and Zimmermann (1966) berjudul *Religions Of The World* membuktikan bahawa pemindahan (*reinkarnasi*) roh atau jiwa manusia kepada jasad haiwan terdapat di dalam kepercayaan agama Hindu:

"A good Hindu believes that finally his soul will join with Brahman and that when this happens there will be perfect happiness. This does not happen after one lifetime, because in each life there are too many imperfect things for this union to take place. What does happen is that the soul is never born and never dies, but only change from body to body. Each change is decided by the life of the person in whom the soul has rested, and the soul can move up or down the scale of life by the law of karma, or the law of deed. If a person lives a wicked life his soul may even be in a plant, animal or bird in its next life. The book of Manu, mentioned earlier, list many of the punishments for wrong-doing. The man who kills a priest will be reborn as a dog, ass for bull. The man who steals from a priest will be born a thousand times in a body of a spider or a snake. Later books list even more terrible punishments. One says that if a man does something wicked enough to lose human birth in the next life, his soul must find eight million resting places, starting with stones and tress, and working through fishes, insect, birds and beast before being reunited with Brahman. (Anon 1966)".

Antara bukti dan sumber kepercayaan *reinkarnasi* terdapat di dalam kitab Katha Upanishad 2.2.7 "*Yama: Some Jivas enter the womb in order to have a body, others go into the inorganic matter according to their Karma and knowledge*" (Krishnananda 2014). Terdapat juga di dalam kitab Bhagavad-gita 2.20 "*The soul never takes birth and never dies at any time nor does it come into being again when the body is created. The soul is birthless, eternal, imperishable and timeless and is never terminated when the body is terminated*" (Prabhupada 2009).

Reinkarnasi tidak akan terjadi tanpa adanya hukum karma iaitu hukum pembalasan. Jadi berbincang mengenai *reinkarnasi*, karma akan menjadi sebahagian topik yang perlu dibincangkan supaya kajian mengenai *reinkarnasi* dapat lebih difahami. Menurut Moh. Rifai (1972), terdapat keterikatan di antara *reinkarnasi* dan hukum karma. Bahawa agama Hindu mengajarkan kehidupan sementara orang yang mati itu adalah di syurga atau neraka. Kemudian roh itu lahir kembali (*reinkarnasi*) ke bumi dalam wujud yang lain. Wujud baru itu tergantung kepada karmanya, karma bermaksud amal perbuatan. Apabila di kehidupannya melakukan kejahatan, maka ia akan lahir kembali sebagai manusia yang rendah derajat nya, bahkan mungkin sebagai binatang yang hina. Sebaliknya jika dalam kehidupannya yang lampau sering melakukan kebaikan, maka ia akan lahir kembali sebagai makhluk yang lebih tinggi derajat nya. Dan sekiranya manusia sering melakukan perbuatan yang baik, lalu lahir sebagai manusia yang sempurna, maka

manusia itu tidak perlu kembali ke dunia. Ia masuk dalam alam *moksha*, kerana kehidupan di dunia ini adalah penderitaan.

V. Kekeliruan Konsep *Reinkarnasi*

Dari penelitian dan kajian yang dibuat berkenaan konsep *reinkarnasi* dan hubungannya dengan hukum karma agama Hindu, penulis mendapati terdapat kekeliruan yang bertentangan dengan kehidupan manusia itu sendiri. Manusia hidup di zaman serba canggih, dikelilingi dan disajikan dengan pelbagai kemudahan teknologi terkini. Keinginan dalam diri manusia untuk melakukan sesuatu tidak terbatas. Manusia diciptakan sebaik ciptaan seperti mana merujuk kepada ajaran agama Islam, begitu juga dalam agama Hindu. Kekeliruan pertama adalah, adakah masih ada kepercayaan terhadap konsep *reinkarnasi* dalam kehidupan masa kini? Kekeliruan kedua adalah, bagaimana jika seseorang itu suka melakukan kejahatan dan terus menerus melakukan kejahatan, sedangkan *reinkarnasi* adalah salah satu kepercayaan dalam agama Hindu? Jika jawapannya adalah benar, maka ini bertentangan dengan kepercayaan terhadap penyatuan jiwa dengan Brahma.

Kekeliruan ketiga berkaitan perasaan manusia yang jiwanya berpindah (*reinkarnasi*) kepada jasad lain atau kepada sesuatu benda di dunia, jika benar proses perpindahan jiwa itu berlaku kerana kaitannya dengan hukum karma, memberi penjelasan bahawa sifat perasaan dan pancaindera sewaktu dahulu seharusnya kekal sama apabila berlakunya perpindahan roh kepada jasad lain. Apakah alasan yang sewajarnya dikemukakan, sekiranya manusia ketika dahulu melakukan kejahatan, dan apabila ber*reinkarnasi*, maka terjadi perpindahan roh kepada jasad haiwan, adakah sama di antara perasaan haiwan, tumbuhan dan perasaan manusia? Begitu juga dengan kian bertambahnya jumlah manusia serta makhluk lain di muka bumi ini.

Kekeliruan keempat adalah, penulis mendapati pertembungan yang berlaku di antara konsep kepercayaan *reinkarnasi*, hukum karma, sistem kasta dan penyatuan jiwa. Di antara *reinkarnasi* dan hukum karma sudah dijelaskan sebelumnya, iaitu *reinkarnasi* adalah suatu kepercayaan yang tidak masuk akal kerana tidak selari dengan naluri kehidupan manusia. Begitu juga apabila dihubungkan di antara sistem kasta dan penyatuan jiwa. Kedua-dua konsep tersebut saling menolak dan tidak menyetujui, kerana agama Hindu mengamalkan sistem kasta yang jelas meletakkan kategori bagi setiap individu seperti golongan tertinggi Brahman dan terendah kasta *Sudras* dan *Pariahs*. Mereka tergolong dalam kasta rendah ini tidak mempunyai peluang untuk belajar seperti kasta *Brahmans*, *Kshatriyas* dan *Vaisyas*. Malah, merujuk Basri (2013) agama Hindu mengajarkan kepada penganutnya agar menguasai ilmu pengetahuan, melakukan setiap pekerjaan atas kecintaan terhadap Tuhan. Di manakah konsep keadilan yang menjadi anjakan setiap agama?

Menurut Shalaby (1998) kenyataan orang-orang Hindu berkaitan konsep karma ini, mendapati bahawa balasan itu tidak pernah dikenakan. Seseorang yang zalim akan terus hidup tanpa menerima balasan terhadap perbuatannya, sementara orang baik tidak pernah diberikan kebaikan kepadanya. Oleh sebab itu, orang-orang Hindu cenderung kepada pendapat mengenai kehidupan kembali (*reinkarnasi*) sebagai hujah bagi membuktikan kebenaran kepercayaan mereka. Pendapat ini senada dengan apa yang dinyatakan oleh Abdul Rahman (1990) bahawa, dalam agama Hindu-Buddha terdapat doktrin karma yang mengajar bahawa seseorang itu terpaksa menerima balasan perbuatan buruk atau baiknya sama ada semasa hidup atau sesudah mati melalui proses pengulangan kembali (*tanasukh al-arwah*). Dengan doktrin ini kepercayaan lama Hindu (*origin Hinduism*) diberi nafas baru di mana orang yang mati dipercayai menjelma semula dalam jasad orang yang masih hidup.

VI. Rumusan dan Kesimpulan

Kesimpulan dan rumusan yang dapat dibuat hasil dari kajian terhadap kepercayaan kebangkitan kembali (*tanasukh al-arwah*) dalam Islam dan kepercayaan *reinkarnasi* dalam Hindu, mendapati bahawa *tanasukh al-arwah* yang menjadi kepercayaan golongan tertentu dalam Islam mempunyai kesamaan yang jelas terhadap konsep *reinkarnasi* agama Hindu. Di dalam Islam tidak ada ajaran dan kepercayaan seperti itu (*tanasukh al-arwah*) yang boleh menyesatkan akidah umat Islam dan menjerumuskan mereka kepada fahaman agama lain dan mengajarkan agar tidak mempercayai adanya kebangkitan kembali di akhirat. Allah berfirman dalam surah Az-Zumar ayat 68 yang bermaksud “Dan sudah tentu akan ditiup sangkakala, maka pada waktu itu Matilah makhluk-makhluk Yang ada di langit dan Yang ada di bumi, kecuali sesiapa Yang dikehendaki Allah (terkemudian matinya); kemudian ditiup sangkakala sekali lagi, maka Dengan serta merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing)”.

Bagaimanakah golongan yang menganut faham *al-tanasukh* yang jelas menyamai konsep *reinkarnasi* agama Hindu dapat menjelaskan secara logik kepada orang lain tentang perpindahan roh kepada jasad atau benda tertentu. Tidak akan ada hujah yang *relevan* untuk menjelaskan konsep *al-tanasukh*, sedangkan penganut agama Hindu yang telah sekian lama menganut faham *reinkarnasi* juga tidak dapat menjelaskan secara ilmiah mengenai perpindahan roh kepada jasad atau benda tertentu. Begitu banyak kekeliruan dan percanggahan terjadi di antara kepercayaan yang mereka anuti seperti hukum karma, *reinkarnasi*, sistem kasta dan penyatuan jiwa dengan Brahma.

Kekeliruan-kekeliruan *reinkarnasi* seperti di atas menjadi alasan kepada penulis untuk melihat sejauh mana kebenaran kepercayaan agama Hindu terhadap konsep *reinkarnasi* dalam kehidupan mereka. Agar tidak timbul

persoalan dari penganutnya dan terpelihara keyakinan serta agama itu sendiri, maka kefahaman terhadap kebangkitan kembali harus diwujudkan. Sekiranya tidak ada kepercayaan terhadap kebangkitan kembali seperti golongan Atheis, akan porak-peranda lah manusia melakukan kejahatan kerana meyakini tidak akan ada pembalasan setiap dari perbuatannya. Mereka beranggapan bahawa dengan mengembangkan ajaran *reinkarnasi*, tidak timbul masalah keyakinan terhadap kebangkitan kembali dan hukum karma bagi menjamin keharmonian hidup.

Penulis tidak menafikan konsep-konsep kepercayaan agama Hindu seperti hukum karma telah mempengaruhi pemikiran segelintir umat Islam. Istilah hukum karma digunakan di mana-mana malah dijadikan tajuk kepada sebuah lagu. Walaupun ia hanya sepele istilah (hukum karma), namun menurut penulis istilah yang merujuk kepada kepercayaan Hindu itu berjaya merasuk pemikiran sebahagian manusia khususnya beragama Islam. Sedangkan betapa sempurna dan menyeluruh kaedah-kaedah yang telah pun sedia ada dalam agama Islam, yang seharusnya menjadi panduan dari segala aspek kehidupan manusia di muka bumi ini. Firman Allah dalam surah Ali 'Imran ayat 19 yang bermaksud: "*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam*".

Rujukan

1. Al-Buti, S.R. 1996. *Keyakinan Hakiki: Kewujudan Maha Pencipta Dan Tugas Makhluk Di Alam Semesta*. Hlm 399. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
2. Akhmadi, A. 1974. *Perbandingan Agama*. Semarang: C.V. Ramadhani.
3. Al Fakir, H. Y. 2014. *Menguak Rahasia Reinkarnasi Dalam Islam: Membahas Fakta Reinkarnasi Yang Ditemukan Oleh Para Ilmuwan Sekaligus Menjawab Pertanyaan Adakah Reinkarnasi Dalam Ajaran Islam? Ataukah Merupakan Pengetahuan Yang Disembunyikan?* Jakarta: Islamic Publishes Jakarta.
4. Basri, G. B. 2013. *Perbandingan Agama*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
5. Farahwahida & Siti Ramlah. 2008. *Penyelewengan Ajaran Qadiani*. Hlm 103-106. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
6. Fauzi, H & Sobri, E. 2011. Perbezaan fahaman Syiah Imamiyyah dan ahli sunah wal jemaah. Jabatan Agama Islam Selangor. Hlm 15.
7. Hakim, A. 1973. *Perbandingan Agama*. Bandung: Penerbit cv. DIPONEGORO. J. N.
8. Izzudin, A. 2003. *Petunjuk Akidah Ahli Sunah Wal Jemaah*. Hlm 324. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)
9. Johari Mat. (2015). Ghuluw Dalam Akidah Islam: Satu Pengenalan Ringkas. *Jurnal Usuluddin*. Volume 5, Issue 5: 96.
10. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan. 2010. *Asas Rujukan Dalam Bidang Aqidah Islam*. Hlm 24.
11. Jaddari, S. 1999. *Perjalanan Hakiki Setiap Insan Jilid 1*. Hlm 19. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
12. Johari Mat. (2015). Ghuluw Dalam Akidah Islam: Satu Pengenalan Ringkas. *Jurnal Usuluddin*. Volume 5, Issue 5: 96.
13. Krishnananda, S. 2014. Commentary on the Katha Upanishad 2.2.7. http://www.swamikrishnananda.org/katha1/katha1_verses2-2.html.
14. Meade and Zimmermann (pnys).1966. *Religions of the World*. Edinburgh: Holmes McDougall Limited.
15. Prabhupada, S. B. S. S. 2009. Srimad Bhagavad-Gita and Reincarnation. <http://www.bhagavadgita.org/Articles/gita-reincarnation.html>.
16. Qayyim, I. 2005. *Rahasia Alam Roh*. Hlm 243-244. Bandung: Cv Pustaka Setia.
17. Qayyim, I. 2005. *Rahsia Alam Roh*. Hlm 162. Bandung: Cv Pustaka Setia.
18. Qayyim, I. 2009. *Dahsyatnya Tipu Muslihat Iblis*. Hlm 113. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
19. Rahman, A. 1990. *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara: Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Hlm 145. Selangor: Percetakan Dewan dan Pustaka.
20. Ramzi, M. 2003. *Roh Menurut Perbahasan Ulama Kalam dan Ahli Falsafah*. Terj. Hlm 270-271. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
21. Rifai, M. 1972. *Perbandingan Agama*. Jakarta: P.T Jajamurni.
22. Rosmizi. 2005. *Panduan Memilih Agama*. Hlm 132-133. Selangor: Pts Millennia Sdn. Bhd.
23. Ruslan, M. 2012. Konsep al-wahdah al-wujud dalam pemikiran Ronggowarsito. *Media Akademika*, Vol. 27, No. 1, Januari 2012. Hlm 2.
24. Smith, H. 2004. *Agama-Agama Manusia*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.